

UNTUK SIARAN SEGERA

6 JANUARI 2021

UEM Edgenta Menyumbang Barangan Keperluan Sekolah Kepada Lebih 1,200 Orang Pelajar Sekolah

KUALA LUMPUR, 6 Januari – UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta” atau “Syarikat”), membuka lembaran tahun baharu dengan menganjurkan program ‘*Back-to-School*’, yang juga sebahagian daripada inisiatif tanggungjawab korporat (“CR”) tahunan Syarikat.

Di bawah program tersebut, seramai 1,233 orang anak-anak dari 796 warga kerja UEM Edgenta di seluruh Malaysia yang masih bersekolah, telah dibekalkan dengan barangan keperluan sekolah, termasuk dua pasang pakaian seragam sekolah, sepasang kasut, dua pasang stoking dan sebuah beg sekolah. Inisiatif tahunan ini bertujuan untuk membantu meringankan beban warga kerja Syarikat dan memupuk semangat anak-anak mereka bagi memulakan sesi persekolahan tahun 2021 yang akan bermula pada 20 Januari di seluruh negara.

Ketika berucap pada majlis penyerahan di ibu pejabat Syarikat, Syahrudin Samsudin, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta berkata, “Kami bertekad untuk menaikkan semangat anak-anak warga kerja kami, meskipun berdepan dengan cabaran pandemik COVID-19. Keperluan sekolah yang kami sumbangkan ini adalah untuk membantu mereka agar cemerlang dalam kelas dan memberi inspirasi kepada mereka untuk melakukan yang terbaik di sekolah.”

“Kami akan terus memperhalusi dan memperluaskan inisiatif CR kami, serta menyokong pihak berkepentingan dalam aktiviti berasaskan pendidikan sejajar dengan visi kami untuk merangsang pertumbuhan modal insan di Malaysia demi masa hadapan,” tambah Syahrudin.

-Siaran Media Tamat-

Mengenai UEM Edgenta Berhad

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuhraya dan rel, termasuk pengurusan projek & perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Perkhidmatan menyeluruh UEM Edgenta merangkumi sepanjang kitaran hayat aset termasuk perundingan, perolehan dan perancangan pembinaan, operasi dan penyelenggaraan serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. UEM Edgenta beroperasi merentasi Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India dan Emiriah Arab Bersatu.

Dikeluarkan oleh UEM Edgenta Berhad pada tarikh seperti yang disenaraikan di atas. Sila hubungi Juliana Jamaluddin (juliana_jamaluddin@edgenta.com / 012 340 9438) jika anda mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan.